



Headline: Mahasiswa paling ramai jadi mangsa keldai akaun
Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 14 March 2019

Section: Jenayah
Page: 77

Mahasiswa paling ramai jadi mangsa keldai akaun

• Sindiket upah RM1,000 sebulan identiti diguna pihak ketiga

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@bh.com.my

Kuala Terengganu

Kehairahan penuntut universiti awam tempatan mendapatkan wang secara mudah, menyebabkan golongan itu menjadi kelompok paling ramai menjadi mangsa sindiket 'keldai akaun', sekali gus boleh menggelapkan masa depan mereka.

Pengarah Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) dan Pejabat Bank Negara Malaysia (BNM), Datin Arlina Ariff, berkata kebanyakan mangsa mudah terdedayu apabila tertarik dengan tawaran upah lumayan mencecah ribuan ringgit untuk membuka akaun bank bagi kegunaan pihak ketiga.

Beliau berkata, mengikut rekod, lebih 50 peratus mangsa terdiri daripada penuntut universiti, selain ibu tunggal antara

yang paling tinggi menjadi sasaran sindiket berkenaan.

Katanya, mangsa yang dikejar terbabit dalam jenayah kewangan itu akan disenaraikan hitam oleh institusi kewangan, kerana tindakan membuka akaun bagi kegunaan pihak ketiga adalah kegiatan menyalahi undang-undang.

Upah RM1,000

"Kebanyakan penuntut tertarik dengan tawaran upah sindiket sehingga lebih RM1,000 sebulan untuk menggunakan identiti mereka bagi membuka akaun untuk digunakan pihak ketiga.

"Dalam kebanyakan kes, mangsa 'menumpangkan' akaun bagi membantu orang lain tanpa memikirkan risiko sehingga merjerat diri sendiri.

"Penuntut terbabit dalam kes ini akan disenaraikan hitam oleh institusi kewangan, sekali gus menjelaskan masa depan mereka terutama apabila memasuki alam pekerjaan."

"Sebagai contoh, mereka akan berdepan kesukaran membuka akaun untuk kemaskulin gaji dan melakukan urusan perbankan lain kerana sudah disenaraikan hitam dan pemilik akaun juga boleh didakwa di mahkamah," katanya ketika ditemui pada sidang media penganjuran Karnival Kewangan Terengganu di Pejabat BNM di



Kebanyakan penuntut ini tertarik dengan tawaran upah sindiket sehingga lebih RM1,000 sebulan untuk menggunakan identiti mereka bagi membuka akaun untuk digunakan oleh pihak ketiga"

Arlina Ariff,

Pengarah Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) dan Pejabat Bank Negara Malaysia

sini, semalam.

Arlina mengingatkan orang ramai supaya tidak sesekali memberikan maklumat peribadi kepada pihak ketiga yang boleh digunakan bagi tujuan kegiatan jenayah kewangan.

"Kebanyakan akaun keldai ini digunakan untuk kegiatan jenayah komersial seperti Macau Scam dan transaksi pembelian banan terlarang seperti dadah.

Jerat pemilik akaun

"Persepsi sekadar menumpang akaun ini sebenarnya hanya menjerat pemilik akaun itu sendiri. Apabila ditahan, mereka sendiri yang akan didakwa walaupun bukan mereka yang lakukan jenayah," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerugian membabitkan kes skim cepat kaya dan Macau Scam mencecah jutaan ringgit setiap tahun menyebabkan pihaknya bekerja keras bersama polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menjelajah jenayah.

"Justeru kita menasihatkan orang ramai yang seringenerima panggilan mencurigakan supaya tidak mudah terpedaya dan BNM ada menyentaraikan lebih 400 syarikat disyaki terbabit jenayah ini di laman web dan boleh dijadikan rujukan," katanya.